



## KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

Blok 2, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya

Tel: 03-8889 7888 Faks: 03-8889 7957

Laman web: [www.kwp.gov.my](http://www.kwp.gov.my)

# SIARAN MEDIA

## UNTUK LIPUTAN MEDIA MASSA

### **PROGRAM NUR RAMADAN BERSAMA GELANDANGAN DI PUSAT KHIDMAT SEMENTARA GELANDANGAN, KUALA LUMPUR**

**KUALA LUMPUR, 13 Julai 2015** – YAB Perdana Menteri Malaysia, Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak hari ini menyempurnakan penyerahan sumbangan kepada golongan gelandangan di Pusat Khidmat Sementara Gelandangan, Lorong Medan Tuanku 2, Jalan Sultan Ismail, Kuala Lumpur. Program anjuran Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) ini adalah lanjutan dari Program Nur Ramadan KWP yang telah diadakan di 13 parlimen di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan sejak 23 Jun hingga 9 Julai 2015.

2. Seramai 300 gelandangan menerima sumbangan wang tunai sebanyak RM200 seorang, kain pelikat, kain batik dan *Food Pack* sumbangan KWP dan DBKL. Selain itu

mereka juga turut menerima Aidilfitri *gift* sumbangan Sinotech Property Development Sdn. Bhd manakala anak-anak gelandangan pula menerima *goodies pack* sumbangan KWP.

3. Pembangunan di Lot 1996, Lorong Medan Tuanku 2, Jalan Sultan Ismail merupakan bangunan 2 tingkat yang dirancang sebagai pembangunan sementara untuk menyediakan kemudahan pada kadar segera bagi kegunaan dalam jangka masa terdekat. Ia telah dibangunkan di atas tanah milik Kerajaan dan bangunan ini akan digunakan sebagai pusat khidmat dan sebagai salah satu pusat agihan makanan kepada golongan gelandangan di sekitar Chow Kit, Jalan Tunku Abdul Rahman dan kawasan berdekatan. Terdapat ruang pengagihan makanan, tandas, bilik air, ruang

solat dan bilik-bilik di Pusat Khidmat Sementara Gelandangan ini. Struktur bangunan adalah menggunakan sistem Industrialised Building System (IBS) yang berkonsepkan pembinaan pasang siap.

4. Projek ini adalah di bawah seliaan KWP melalui inisiatif Program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) Malaysian Resources Corporation Berhad (MRCB) dan Sinotech Property Development Sdn. Bhd. Pengoperasian Pusat Khidmat Sementara Gelandangan ini juga akan diselaraskan oleh DBKL berdasarkan suatu Standard Operating Procedure (SOP) yang telah disediakan oleh Kementerian Wilayah Persekutuan dengan bantuan pihak NGO's. Lima (5) pendekatan strategik bagi menangani isu gelandangan iaitu menerusi pelaksanaan Zon Sifar Gelandangan, penyediaan pusat pengagihan makanan secara terancang, mewujudkan One Stop Centre bagi gelandangan, mempertingkatkan dendaan dan tindakan perundangan dan kerjasama dengan badan bukan kerajaan (NGO) bagi menjamin kepentingan bandar raya Kuala Lumpur.

5. Kemudahan Pusat Gelandangan Sementara ini diharap dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh golongan gelandangan di sekitar Chow Kit dan kawasan berdekatan dengan bantuan pihak NGO sebagai penyelaras dalam memastikan golongan ini menggunakan tempat yang disediakan semasa sesi pengagihan makanan dan sumbangan. Secara keseluruhannya inisiatif KWP mewujudkan One Stop Centre adalah untuk memastikan golongan gelandangan ini diberi bantuan secara teratur dan memudahkan pihak NGO's melaksanakan pengagihan makanan.

**Disediakan oleh:**

**BAHAGIAN KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN  
KUALA LUMPUR**

**13 Julai 2015**